

**Kohilan Ketua Delegasi Malaysia Pada Mesyuarat Menteri Biro Penyelarasan NAM  
Bernama  
11 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Timbalan Menteri Luar Senator A. Kohilan Pillay mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat peringkat Menteri Biro Penyelarasan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Sharm El Sheikh, Mesir yang berakhir Khamis.

Mesyuarat itu yang berlangsung sejak Isnin lepas (7 Mei), bertujuan menilai tahap pelaksanaan keputusan Sidang Kemuncak ke-15 NAM yang diadakan di negara itu pada 2009 selain persediaan bagi Sidang Kemuncak ke-16 NAM di Tehran, Iran pada akhir Ogos ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra, Kohilan menyampaikan ucapan pada sesi Debat Umum dengan membangkitkan beberapa perkara termasuk inisiatif Gerakan Kesederhanaan Global, isu Palestin dan proses perubahan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau juga mengambil bahagian dalam sesi interaktif semasa Mesyuarat Jawatankuasa Palestin NAM yang dianggotai 13 negara anggota selain mengadakan pertemuan dua hala dengan beberapa rakan sejawatan beliau dalam usaha mengukuhkan kerjasama dua hala dan membincangkan perkara yang melibatkan kepentingan bersama.

Penyertaan pada mesyuarat itu mencerminkan komitmen Malaysia terhadap NAM serta peranan negara yang pernah menyandang jawatan Pengerusi NAM bagi penggal 2003 hingga 2006 serta sebagai negara anggota Troika NAM bagi penggal 2002-2009.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665502>